

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 FEBRUARY 2015

PM naik perahu penambang ke Kampung Gersik, Boyan

um - 27/2/2015

KUCHING 26 Feb. - Ratusan penduduk di Kampung Gersik dan Kampung Boyan di sini teruja apabila berpeluang bertemu dengan pemimpin nombor satu negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengadakan tinjauan mesra di situ hari ini.

Najib tiba di perkampungan tersebut pada pukul 6 petang dengan menaiki perahu penambang dari Tebingan Kuching dan meluangkan masa selama kira-kira 30 minit beramah mesra dengan penduduk dan turut menikmati hidangan mi kolok di Medan Selera Kampung Boyan.

Perdana Menteri sempat menikmati hidangan mi kolok di Medan Selera Kampung Boyan dan melawat kedai kek lapis Sarawak yang terkenal, Mira Kek House.

Seorang penduduk Kampung

Gersik, **Noraini Abg. Murad**, 60, memberitahu, dia berasa teruja kerana tidak menyangka Perdana Menteri sudi datang ke kampung tersebut.

Zaman Nahli, 59, yang datang bersama-sama cucunya pula berkata, dia membawa keluarganya ke kampung tersebut khusus untuk bertemu Perdana Menteri.

"Jarang kita berkesempatan untuk bertemu secara langsung dengan Perdana Menteri," katanya.

Pemilik Mira Kek House, **Amiranatrah Musa**, 31, berkata, dia berasa bertuah kerana Perdana Menteri sudi datang ke kedainya dan sempat mencuba beberapa kek lapis Sarawak yang dijual.

"Teruja dan tidak dapat saya ungkapkan dengan perkataan perasaan ini," katanya dalam nada gembira.



NAJIB TUN RAZAK membantu seorang murid sekolah untuk turun daripada perahu penambang ketika membuat walkabout ke Kampung Gersik di Kuching, Sarawak, semalam.